


PERLEMBAGAAN



FACULTY OF BUILT ENVIRONMENT ORGANIZATION [BE.On]

PERSATUAN FAKULTI ALAM BINA
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

PERLEMBAGAAN PERSATUAN FAKULTI ALAM BINA (BE.On) UNIMAS

(Diubahsuai dari Akta Pertubuhan 1966)

Kemaskini 11 September 2022

Fakulti Alam Bina (FAB) telah dirasmikan pada 22 September 2018. Sehubungan itu, warga FAB berhasrat menyemai semangat berpersatuan di kalangan pelajar melalui penglibatan mereka secara proaktif di luar konteks pembelajaran formal. Penubuhan satu persatuan pelajar adalah bagi menunjangi hasrat tersebut.

KANDUNGAN

BAB		MUKASURAT
1	NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR	3
2	TUJUAN DITUBUHKAN	4
3	KEAHLIAN	5
4	JAWATANKUASA	8
5	KEWAJIPAN-KEWAJIPAN AHLI JAWATANKUASA	9
6	MESYUARAT-MESYUARAT	11
7	KEWANGAN	13
8	PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK	14

BAB 1 NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR

1.1 Nama

Nama berdaftar bagi Persatuan ini ialah Persatuan Fakulti Alam Bina atau *Faculty of Built Environment Organization* (Singkatan: BE.On) yang secara rasminya ditubuhkan dan didaftarkan di bahagian Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS.

1.2 Alamat dan Tempat Berdaftar

Alamat berdaftar Persatuan ini ialah di Fakulti Alam Bina, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.

BAB 2 TUJUAN DITUBUHKAN

2.1 Objektif Penubuhan Persatuan

BE.On ditubuhkan berlandaskan objektif seperti berikut:

- i. Membentuk kepimpinan, bakat dan keserakanan sesama pelajar FAB;
- ii. Memperkasa kebolehan sahsiah, sifat berdikari dan kemahiran intelektual di luar pembelajaran formal di kalangan pelajar FAB;
- iii. Menanam semangat kerjasama dan kemasyarakatan di kalangan para pelajar FAB.

2.2 Visi Persatuan

Membentuk generasi pelapis disiplin Alam Bina yang bersatu, kreatif dan berkepimpinan.

2.3 Misi Persatuan

Menyemarakkan kerjasama di kalangan pelajar Alam Bina melalui kegiatan berlandaskan nilai positif dan kreatif.

2.4 Moto Persatuan

“Building People.”

Moto ini menggabungkan dua konsep yang menggambarkan peranan BE.On sebagai wadah ‘membina insan’ dan ‘komuniti dalam bidang bangunan’.

BAB 3 KEAHLIAN

3.1 Ahli Biasa

Setiap pelajar adalah dengan ini layak menjadi ahli Persatuan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Pelajar Fakulti Alam Bina UNIMAS yang berdaftar;
- ii. Membayar yuran masuk dan yuran keahlian.

3.2 Permohonan Menjadi Ahli

3.2.1 Syarat Permohonan

Tiap-tiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dicadangkan dan disokong oleh dua orang ahli sedia ada dengan menggunakan borang khas dan dihantar kepada Setiausaha Persatuan.

Jawatankuasa Persatuan berhak menolak sebarang permohonan tanpa perlu memberikan sebarang sebab mengikut budi bicaranya.

3.2.2 Syarat Penerimaan

Tiap-tiap permohonan yang telah diluluskan hendaklah membayar yuran masuk setelah mendaftar sebagai ahli Persatuan.

3.3 Bayaran Masuk dan Yuran-yuran

3.3.1 Semua pelajar yang hendak menjadi ahli *BE.On* dikenakan bayaran Keahlian sebanyak RM 20 setahun.

3.3.2 Sebarang perubahan yuran hendaklah diputuskan semasa Mesyuarat Agung Persatuan.

3.3.3 Yuran hendaklah dibayar kepada Bendahari Persatuan terlebih dahulu di dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh kelulusan pendaftaran

sebagai ahli Persatuan atau empat belas (14) hari tarikh bermulanya setiap semester.

- 3.3.4 Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih dari satu (1) bulan akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Persatuan dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dibayar. Ahli yang tertangguh hutang lebih dari tiga (3) bulan maka dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Jawatankuasa Persatuan boleh memerintahkan supaya tindakan yang sah di ambil terhadapnya dengan syarat mereka berpuas hati yang ahli berkenaan telah menerima kenyataan tentang hutangnya terlebih dahulu.

3.4 Hak dan Keistimewaan Ahli

Ahli biasa Persatuan adalah:

- i. Berhak untuk bersuara, mencadang, menyokong, mengundi dan dicalonkan sebagai Ahli Jawatankuasa.
- ii. Berhak menggunakan apa-apa keistimewaan lain dan kemudahan-kemudahan sebagaimana yang disediakan oleh Persatuan.
- iii. Berhak memeriksa semua laporan dan penyata kewangan persatuan dengan syarat bahawa sesuatu pemberitahuan bertulis mengenai tujuan itu diberi dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Persatuan.

3.5 Berhenti Menjadi Ahli

Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan ini hendaklah memberi kenyataan bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Persatuan dan membayar segala yuran-yuran yang tertunggak atau belum dijelaskan.

3.6 Lucut Menjadi Ahli

- 3.6.1 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dalam cara yang akan mencemarkan nama baik Persatuan

bolehlah dipecat atau digantungkan keahliannya dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan itu secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang menerangkan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan ahli tersebut.

- 3.6.2 Keahlian akan terlucut dengan sendirinya, jika seseorang ahli tersebut telah bertukar program dari Fakulti Alam Bina ke Fakulti lain atau berhenti belajar di UNIMAS.
- 3.6.3 Mana-mana ahli yang tidak siuman atau disabitkan di mana-mana Mahkamah di bawah Undang-undang Jenayah akan terlucut keahliannya.

BAB 4 JAWATANKUASA

4.1 Satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Persatuan BE.On hendaklah terdiri daripada:

- i. Seorang Presiden
- ii. Seorang Naib Presiden
- iii. Seorang Setiausaha
- iv. Seorang Bendahari
- v. 5 orang Ahli-ahli Jawatankuasa Biasa

4.2 Semua Ahli Jawatankuasa hendaklah dipilih pada tiap-tiap tahun di dalam Mesyuarat Agung atau di dalam Mesyuarat Agung Khas.

4.3 Jawatankuasa mempunyai kuasa dan akan menjalankan tugas-tugas dalam jangka masa setahun sehingga tarikh diadakan Mesyuarat Agung berikutnya.

4.4 Jika berlaku kekosongan dalam Jawatankuasa, Ahli Jawatankuasa boleh melantik dalam Mesyuarat Jawatankuasa salah seorang daripada mereka untuk memenuhi atau memangku kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung diadakan.

4.5 Jawatankuasa mempunyai kuasa:

- i. Untuk merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan Persatuan serta membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Persatuan agar tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung;
- ii. Untuk menggantung dan melucutkan jawatan sebarang ahli-ahli Jawatankuasa, Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ditubuhkan kerana cuai di dalam urusan, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan Jawatankuasa atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan Persatuan; DAN
- iii. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang dibuat di dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika atau sehingga tidak dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agung.

BAB 5 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN AHLI JAWATANKUASA

5.1 Presiden

5.1.1 Presiden hendaklah:

- i. Mempengerusikan semua ahli mesyuarat Persatuan;
- ii. Menandatangani semua cek dan baucar bersama-sama dengan Bendahari Persatuan;
- iii. Menandatangani semua minit mesyuarat setelah disahkan dalam mesyuarat Persatuan.
- iv. Mengundi jika terdapat persamaan undian di dalam mana-mana mesyuarat Persatuan.

5.1.2 Presiden diberi kuasa:

- i. Memanggil mesyuarat Jawatankuasa.
- ii. Memerintahkan Jawatankuasa Kecil atau mana-mana badan pengurusan yang dilantik untuk mengadakan mesyuarat bila difikirkan perlu.
- iii. Mengeluarkan kenyataan kepada umum bagi pihak Persatuan secara perseorangan atau bersama-sama dengan Setiausaha Persatuan.

5.2 Naib Presiden

Naib Presiden hendaklah memangku jawatan dan menjalankan tugas-tugas Presiden semasa ketiadaannya.

5.3 Setiausaha

Setiausaha hendaklah:

- i. Membuat minit-minit mesyuarat Jawatankuasa dan mengedarkan notis mesyuarat kepada semua ahli dua minggu sebelum mesyuarat.
- ii. Mengurus hal-hal surat menyurat semua surat-surat, minit-minit mesyuarat, daftar ahli-ahli dan kertas-kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan

- iii. Menyediakan dan menyampaikan Laporan Tahunan Persatuan dalam Mesyuarat Agung.
- iv. Membuat minit-minit mesyuarat Jawankuasa dan mengedarkan notis mesyuarat kepada semua ahli dua minggu sebelum mesyuarat.
- v. Membuat minit-minit mesyuarat Jawankuasa dan mengedarkan notis mesyuarat kepada semua ahli dua minggu sebelum mesyuarat.

5.4 Bendahari

Bendahari yang bertanggungjawab ke atas semua kewangan dan harta kepunyaan Persatuan hendaklah:

- i. Membuat minit-minit mesyuarat Jawankuasa dan mengedarkan notis mesyuarat kepada semua ahli dua minggu sebelum mesyuarat.
- ii. Mengurus hal-hal surat menyurat semua surat-surat, minit-minit mesyuarat, daftar ahli-ahli dan kertas-kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan
- iii. Menyediakan dan menyampaikan Laporan Tahunan Persatuan dalam Mesyuarat Agung.
- iv. Membuat minit-minit mesyuarat Jawankuasa dan mengedarkan notis mesyuarat kepada semua ahli dua minggu sebelum mesyuarat.
- v. Membuat minit-minit mesyuarat Jawankuasa dan mengedarkan notis mesyuarat kepada semua ahli dua minggu sebelum mesyuarat.

5.5 Penolong Bendahari

Penolong bendahari hendaklah memangku dan menjalankan tugas-tugas Bendahari semasa ketiadaannya.

5.6 Ahli Jawatankuasa Biasa

- 5.6.1 Ahli Jawatankuasa Biasa akan menentukan jawatan-jawatan dan tugas-tugas mereka yang bersesuaian dengan tujuan-tujuan Jawatankuasa.
- 5.6.2 Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah menjalankan tugas-tugas mereka seperti mana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

BAB 6 MESYUARAT-MESYUARAT

6.1 Mesyuarat Jawatankuasa

- 6.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) bulan sekali.
- 6.1.2 Mesyuarat sah dijalankan dengan dihadiri oleh seramai dua per tiga (2/ 3) daripada jumlah Ahli Jawatankuasa sebagai korum mesyuarat. Ketetapan-ketetapan adalah diambil dari undian majoriti ahli-ahli yang hadir.

6.2 Mesyuarat Agung Tahunan

- 6.2.1 Mesyuarat Agung tahunan akan diadakan setahun sekali.
- 6.2.2 Mesyuarat Agung tahunan hendaklah diadakan secepat mungkin sebelum akhir bulan Ogos tiap-tiap tahun. Tarikh, masa dan tempat mesyuarat akan ditetapkan oleh Jawatankuasa.
- 6.2.3 Pemberitahuan mengenai mesyuarat Agung tahunan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat mesyuarat termasuk Penyata Kira-kira tahunan yang sempurna diaudit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Persatuan kepada ahli-ahli tidak lewat dari empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung diadakan.
- 6.2.4 Korum Mesyuarat Agung ialah separuh (1/2) daripada jumlah ahli-ahli biasa atau dua kali ganda ($11 \times 2 = 22$) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang.
- 6.2.5 Jika korum tidak mencukupi setelah setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli yang hadir boleh menjalankan mesyuarat tetapi tidak berkuasa meminda perlembagaan dan membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua ahli-ahli.

- 6.2.6 Agenda Mesyuarat Agung tahunan hendaklah termasuk hal-hal berikut:
- i. Menerima dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung yang lepas.
 - ii. Menerima dan mengesahkan Laporan dan Penyata Tahunan yang telah diaudit.
 - iii. Memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa baru.
 - iv. Memilih dua orang juruaudit yang bukan dari kalangan Ahli Jawatankuasa.
 - v. Menimbang dan memutuskan hal-hal lain atau aktiviti-aktiviti yang akan atau hendak dijalankan pada sepanjang tahun akan datang.
- 6.2.7 Apa-apa persoalan yang dikemukakan dalam Mesyuarat Agung akan diputuskan oleh undi majoriti ahli-ahli biasa yang hadir. Sekiranya terdapat undi yang sama banyak, Presiden akan membuat undi pemutusan.

BAB 7 KEWANGAN

7.1 Sumber-sumber Kewangan

7.1.1 Sumber-sumber kewangan Persatuan ialah daripada:

- i. Yuran-yuran ahli;
- ii. Derma-derma, hadiah-hadiah atau wakaf; dan
- iii. Hasil dari harta dan kegiatan-kegiatan Persatuan.

7.1.2 Semua sumber kewangan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Persatuan melalui Bendahari Persatuan.

7.2 Pengeluaran Wang

7.2.1 Segala cek atau penyata pengeluaran wang dari kira-kira Persatuan (atas ketiadaannya oleh Naib Presiden), maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa di antara mereka sebagai pengganti.

7.2.2 Pengeluaran wang boleh digunakan untuk tujuan Persatuan yang berfaedah, tetapi tidak boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di Mahkamah.

7.2.3 Perbelanjaan yang lebih daripada RM 5,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 10,000.00 sebulan tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM 25.00 bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Presiden bersama Setiausaha dan Bendahari Persatuan.

BAB 8 PERATURAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

- 8.1 Kuasa mutlak melantik atau menukar ganti seseorang Penasihat Persatuan adalah terletak pada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).
- 8.2 Persatuan adalah tertakluk kepada peraturan Universiti dan segala aktiviti yang dijalankan hendaklah selaras dan tidak bertentangan dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak.
- 8.3 Apa-apa juga aktiviti yang hendak dijalankan WAJIB mendapat kebenaran daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UNIMAS terlebih dahulu dan Universiti mempunyai kuasa budi bicara sama ada memberikan kebenaran atau sebaliknya.
- 8.4 Universiti mempunyai hak untuk tidak memberikan kebenaran ke atas aktiviti yang dimohon atau yang sedang dijalankan oleh persatuan sekiranya Universiti berpendapat adalah wajar dan munasabah berbuat demikian demi menjaga imej, hak dan kepentingan Universiti.
- 8.5 Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran peraturan dan undang-undang di bawah Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012) dan Perlembagaan Universiti Malaysia Sarawak serta peraturan-peraturan lain yang berkuatkuasa dalam Universiti, maka Universiti mempunyai kuasa budi bicara sepenuhnya untuk mengenakan tindakan sama ada membubarkan persatuan atau mengambil tindakan disiplin di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sarawak (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999. (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).